

KEPINCANGAN BAHASA DALAM TERJEMAHAN NAMA PERNIAGAAN CINA

Goh Sang Seong
(Malaysia)

Pendahuluan

Dalam penilaian terjemahan, selain aspek makna dan gaya, bahasa turut diberikan perhatian. Dengan penggunaan bahasa yang tepat, makna dan gaya dapat disampaikan secara berkesan. Penggunaan bahasa yang dimaksudkan di sini ialah tatabahasa. Untuk tujuan perbincangan dalam makalah ini, skop tatabahasa terhad pada unit perkataan, frasa, klausa dan ayat sahaja.

Makalah ini membincangkan kesalahan bahasa yang lazim berlaku dalam terjemahan nama perniagaan Cina. Semua nama perniagaan yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia hendaklah dalam bahasa Melayu. Justeru, nama perniagaan Cina yang asalnya dalam bahasa Mandarin perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Sebanyak 793 nama perniagaan Cina dalam bahasa Mandarin dan terjemahannya di sekitar Utara Semenanjung (Utara Perak, Pulau Pinang dan Kedah) telah dikutip untuk dianalisis. Dapatan analisis menunjukkan bahawa terjemahan nama perniagaan Cina dalam bahasa Melayu memang terdapat kesalahan bahasa, iaitu sebanyak sembilan kesalahan bahasa yang dapat dikesan.

Kesilapan dalam Frasa Penerang

Data 1 menunjukkan terjemahan nama perniagaan Cina yang tidak mempunyai frasa penerang. Terjemahan ini dihasilkan dengan menggunakan kaedah transliterasi, iaitu sebutan asal dipinjam dan diubahsuaikan mengikut sebutan bahasa sasaran. Hal ini menyebabkan terjemahan yang dihasilkan menjadi kata nama khas yang tidak dapat dikesan maknanya melalui kata nama khas itu sendiri. Terjemahan nama perniagaan yang ditunjukkan dalam Data 1 hanya dapat ditafsirkan sebagai kata nama khas. Malah jenis kata

nama khas sama ada nama khas manusia, tempat atau perniagaan tidak dapat dikenal pasti. Keadaan sedemikian disebabkan oleh nama perniagaan Cina mendukung makna sosiobudaya yang tidak dimasukkan sebagai lema dalam kamus. Oleh itu, dicadangkan supaya frasa penerang yang menjelaskan fungsi kata nama khas ini ditambah pada terjemahan ini. Contohnya, *Ban Teik Tong diperbaiki menjadi “Kedai Ubat Ban Teik Tong”, dan *See Lee Chan menjadi “Kedai Runcit See Lee Chan”. Frasa penerang ini membolehkan pembaca sasaran mengetahui jenis perniagaan yang dijalankan.

Data 1

*Ban Teik Tong
*See Lee Chan
*Hoe Tai Rong
*Sang Kong
*Seng Huat Moh Aik

Terdapat sesetengah frasa penerang yang tidak tepat. Dalam Data 2, *Alat Pejabat Seng Seng boleh bermaksud alat pejabat kepunyaan Seng Seng, *Perabot Eng Huat boleh membawa maksud perabot milik Eng Huat, manakala *Tukang Jahit *Embassy* pula boleh ditafsirkan sebagai tukang jahit yang bekerja untuk *Embassy*.

Data 2

*Alat Pejabat Seng Seng
*Kereta Terpakai FUFA
*Makanan Laut Aik Kee
*Perabot Eng Huat
*Tukang Jahit <i>Embassy</i>

Oleh itu dicadangkan supaya kata yang menerangkan jenis perniagaan seperti kedai, syarikat atau pusat dimasukkan pada awal terjemahan. Kata-kata ini berfungsi sebagai kata “diterangkan”. *Alat Pejabat Seng Seng boleh diperbaiki menjadi “Kedai Alat Pejabat Seng Seng”, *Kereta Terpakai FUFA menjadi “Pusat Kereta Terpakai FUFA”, dan *Perabot Eng Huat boleh ditambah baik menjadi “Pusat Perabot Eng Huat”.

Bahasa Campur Aduk

Terjemahan dalam bahasa Melayu haruslah dalam bahasa Melayu sepenuhnya. Kelihatan masih ada terjemahan nama perniagaan Cina yang cenderung menggunakan bahasa campuran terutamanya bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu. Data 3 mengemukakan terjemahan bahasa Melayu yang bercampur aduk dengan bahasa Inggeris.

Data 3

*Chong Company Sdn. Bhd.
*Pusat Hand Phone Taman Selasih
*Kafe Traffic Light
*Kedai Kopi Hometown
*Warisan Indah Hardware dan Trading Sdn. Bhd.

*Chong Company Sdn. Bhd. boleh diperbaiki menjadi “Syarikat Chong Sdn. Bhd.”, *Pusat Hand Phone Taman Selasih menjadi “Pusat Telefon Bimbit Taman Selasih”, *Kafe Traffic Light diperkemas menjadi “Kafe Lampu Isyarat”, *Kedai Kopi Hometown dan *Warisan Indah Hardware dan Trading Sdn. Bhd. boleh ditambah baik menjadi “Kedai Kopi Kampung” dan “Syarikat Perniagaan Perkakasan Warisan Indah Sdn. Bhd.”. Penggunaan bahasa Melayu

yang sepenuhnya bukan sahaja tidak menjejaskan mutu terjemahan malahan terjemahan yang dihasilkan lebih kemas.

Melanggar Hukum D-M

Dalam bahasa Melayu, kata atau frasa yang berfungsi sebagai “diterangkan” perlu diikuti oleh kata atau frasa yang bertindak sebagai “menerangkan”. Rumus ini berbeza dengan bahasa Mandarin yang lebih cenderung menggunakan hukum M-D. Kesalahan tatabahasa ini jelas kelihatan melalui contoh yang ditunjukkan dalam Data 4.

Data 4

*Ah Chong Fesyen
*Chew Fung Kedai Bunga
*Jiu Jiu Szechuan Restoran
*Ong Pusat Latihan Memandu
*Ooi Klinik Gigi

Terjemahan dalam Data 4 telah terpengaruh oleh struktur bahasa Mandarin yang meletakkan kata atau frasa “menerangkan” selepas kata atau frasa “diterangkan”. Pembetulan yang perlu dilakukan adalah seperti contoh berikut:

*Ah Chong Fesyen	Fesyen Ah Chong
*Chew Fung Kedai Bunga	Kedai Bunga Chew Fung
*Jiu Jiu Szechuan Restoran	Restoran Szechuan Jiu Jiu
*Ong Pusat Latihan Memandu	Pusat Latihan Memandu Ong
*Ooi Klinik Gigi	Klinik Pergigian Ooi

Struktur Ayat yang Tidak Sesuai bagi Nama Perniagaan

Nama perniagaan merupakan kata nama khas. Terjemahan dalam Data 5 lebih cenderung berbentuk ayat yang mengandungi subjek dan predikat. Misalnya, dalam *Hoong Motor Membaiki Kereta, “Hoong Motor” ialah subjek dan “membaiki kereta” ialah predikat, dalam *Syarikat Memproses Bahan Makanan Soon Guay pula, “syarikat” boleh menjadi subjek dan “memproses bahan makanan Soon Guay” menjadi predikat. Untuk mengelakkan ketaksaan dan kekeliruan, dicadangkan supaya semua terjemahan yang dihasilkan hendaklah dalam bentuk kata nama khas. *Hoong Motor Membaiki Kereta boleh diperbaiki menjadi “Kedai Pembaikan Kereta Hoong”, *Kedai Membaiki Kereta Soon Huat diperkemas menjadi “Kedai Pembaikan Kereta Soon Huat”, *Menjual dan Membeli Kereta Terpakai ditambah baik menjadi “Pusat Jual Beli Kereta Terpakai”, *Pusat Menjual Peralatan Dapur Git Aun menjadi “Pusat Jualan Peralatan Dapur Git Aun” dan *Syarikat Memproses Bahan Makanan Soon Guay diperbaiki menjadi “Syarikat Pemprosesan Bahan Makanan Soon Guay”.

Data 5

*Hoong Motor Membaiki Kereta
*Kedai Membaiki Kereta Soon Huat
*Menjual & Membeli Kereta Terpakai
*Pusat Menjual Peralatan Dapur Git Aun
*Syarikat Memproses Bahan Makanan Soon Guay

Kesalahan Ejaan

Terjemahan nama perniagaan Cina yang salah dieja ditunjukkan dalam Data 6.

Data 6

*Aneka Pasaraya
*Fashion Lee Na
*Hotel Singapore
*Kedai Papan Sungei Nibong Sdn. Bhd.
*Syarikat Letrik Allied Malayan
*Syarikat Perabot Modern
*Sek. Memandu Muhibbah
*Unique Barang-barang Perhiasan Pejabat

Kesalahan ejaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, pengaruh ejaan bahasa Inggeris. Apabila sesuatu kata bahasa Inggeris dipinjam ke dalam bahasa Melayu, ejaan bahasa Inggeris diambil terus. Kata pinjaman bahasa Inggeris yang sudah mantap dalam bahasa Melayu telah mempunyai ejaannya yang tersendiri. Misalnya, *fashion sepatutnya “fesyen”, *modern sepatutnya “moden”, dan *unique sepatutnya “unik”. Kedua, kata-kata yang ejaannya sudah diselaraskan masih tidak diikuti. Ejaan lama masih digunakan dalam terjemahan nama perniagaan Cina. Contohnya, *pasaraya sepatutnya dieja “pasar raya”, *letrik sepatutnya “elektrik”, dan *muhibbah sepatutnya “muhibah”. Ketiga, ejaan kata nama negara asing dalam bahasa Melayu yang sudah diterima pakai secara rasmi tidak dipatuhi. Contohnya, *Singapore sepatutnya dieja “Singapura”.

Kesilapan Penggunaan Kata

Penggunaan kata yang sesuai dan tepat adalah penting supaya terjemahan yang dihasilkan menepati emik dan norma masyarakat bahasa sasaran. Kata yang salah atau kurang sesuai akan menimbulkan ketaksaan, kekeliruan dan salah faham. Dalam Data 7, nama perniagaan *Minat Johan Sdn. Bhd. amat janggal. Terjemahan ini boleh disalahtafsirkan sebagai ada

orang yang meminati Johan atau Johan mempunyai minat. Terjemahan *Perkhidmatan Tayar dan Bateri Keat Cheong boleh menimbulkan salah faham. Hal ini demikian kerana manusia tidak boleh berkhidmat untuk tayar dan tayar juga tidak berkhidmat kepada manusia. Pembaca pasti akan tertanya-tanya benih apa yang diperniagakan oleh *Syarikat Benih Wah Heng Hong. Penggunaan kata “terang” dalam *Terang Motor juga tidak tepat.

Dalam bahasa Melayu, perkataan “penghawa dingin” dan “reflexi” tidak wujud. Sebaliknya perkataan “pendingin hawa” dan “refleksologi”. Ternyata ada kesalahan kata dalam terjemahan *Kejuruteraan dan Penghawa Dingin Lian Tye dan *Pusat Reflexi Lau.

Data 7

*Minat Johan Sdn. Bhd.
*Perkhidmatan Tayar dan Bateri Keat Cheong
*Terang Motor
*Syarikat Benih Wah Heng Hong
*Kejuruteraan dan Penghawa Dingin Lian Tye
*Pusat Reflexi Lau

Penggunaan Singkatan

Lazimnya singkatan digunakan apabila singkatan tersebut sudah diketahui dan difahami dalam kalangan pembaca sasaran. Jika sesuatu singkatan itu tidak diketahui maknanya, maka singkatan itu tidak membawa sebarang fungsi. Data 8 menunjukkan beberapa singkatan yang digunakan dalam terjemahan bahasa Melayu. Singkatan *CS dan *TK dalam Data 8 tidak dapat difahami maksud sebenarnya. Singkatan *BM boleh bererti “Bukit Mertajam” atau “Bahasa Melayu”, manakala singkatan *HQ pula boleh bermaksud *head quarter* “ibu pejabat” yang biasa diketahui umum. Jelas bahawa singkatan perlu digunakan dengan berhati-hati untuk mengelakkan salah tafsir dalam kalangan pembaca sasaran.

Singkatan yang sudah diterima pakai harus dipatuhi. *S/B yang bererti “sendirian berhad” patut dieja sebagai Sdn. Bhd..

Data 8

*Agensi Pekerjaan CS
*Kedai Makanan Dan Minuman TK
*Alat-alat BM Sdn. Bhd.
*HQ Kedai Buku
*Agensi Pekerjaan Pacific Light S/B

Masalah Lewah

Terdapat terjemahan yang mengulangi perkataan yang mendukung makna yang serupa sehingga menyebabkan masalah lewah. Contohnya, *Kedai Barang-barang Runcit Chop Khoon Hong sepatutnya diperkemas menjadi “Kedai Runcit Chop Khoon Hong” sudah memadai. Hal ini demikian kerana kedai runcit sememangnya menjual barang runcit, maka *kedai barang-barang runcit dianggap lewah. Dalam amalan seharian, kedai kopi di Malaysia ada menjual makanan dan jarang sekali hanya menjual minuman kopi sahaja. Oleh itu, terjemahan *Kedai Kopi Dan Makanan Tao Yen boleh diperbaiki menjadi “Kedai Kopi Tao Yen”.

Kesalahan Imbuan

Kajian juga mendapati bahawa terdapat terjemahan nama perniagaan Cina dalam bahasa Melayu yang kata berimbuhannya tidak tepat. Imbuan yang salah akan membawa maksud yang berbeza atau tidak membawa sebarang maksud. Contohnya, kata *perlancong dalam terjemahan *Pusat Perlancong Forever Travel Service Sdn. Bhd. tidak wujud dalam bahasa Melayu. Perkataan yang betul ialah “Pelancong” atau “Pelancongan”. *Pembaikan daripada

terjemahan *Pembaiki Kereta Chye dan *pengusahaan daripada terjemahan *Pengusahaan Yik juga tidak tepat. Perkataan yang betul ialah “pembaikan” dan “perusahaan”. Begitu juga halnya dalam terjemahan *Pasaran Ekonomi Zora yang sepatutnya “pasar” dan bukan *pasaran.

Kesimpulan

Kesalahan bahasa yang dapat dikesan dalam terjemahan nama perniagaan Cina tidak pernah kurang. Justeru, buku panduan tentang penterjemahan nama perniagaan Cina ke dalam bahasa Melayu adalah penting untuk diterbitkan supaya terjemahan yang dihasilkan adalah tepat dari aspek makna, gaya mahupun bahasa. Pemantauan pihak yang berwajib juga amat penting dalam usaha memartabatkan dan memurnikan penggunaan bahasa Melayu terutamanya dalam terjemahan nama perniagaan Cina di negara ini.

Bibliografi

- Goh Sang Seong, 2008. "Strategi Penterjemahan Nama Perniagaan Bahasa Cina ke dalam Bahasa Melayu" dlm. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Kali Ke-4*. Universiti Putra Malaysia.
- Goh Sang Seong, 2008. "Kehilangan Makna dalam Terjemahan Nama Perniagaan Cina" dlm. *Prosiding Seminar Kebangsaan Bahasa Verbal dan Bukan Verbal 2*. Universiti Sains Malaysia.
- Goh Sang Seong, 2009. "Mesej Implisit Dalam Terjemahan Nama Perniagaan Cina" dlm. *Prosiding SoLLs.INTEC.09*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Newmark, Peter, 1981. *Approaches to Translation*. London: Ergamon Press Ltd.
- Nik Safiah Karim, *et al.*, 2004. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.